



'Rukun Negara masa depan kita'

Rakyat disaran pegang prinsip Rukun Negara bentuk masa depan Malaysia

Oleh NOZINA YAHAYA

KUALA LUMPUR

Rukun Negara yang berfungsi sebagai falsafah negara, teras serta kunci kepada kejayaan perpaduan di negara ini perlu dihayati sebagai asas cara hidup rakyat dan membentuk masa depan Malaysia.

Aktivis sosial, Tan Sri Lee Lam Thye berkata, Rukun Negara merupakan agenda perpaduan negara dan adalah sangat penting bagi masyarakat mengamalkan Rukun Negara sebagai cara hidup masing-masing.

"Saya harap, tidak kira mana-mana parti politik yang menjadi pemerintah, Rukun Negara harus diberikan pendedah-

an lebih meluas kepada semua lapisan masyarakat," katanya selepas menjadi tetamu dalam siaran khas *Rukun Negara Hour* oleh Bernama TV dan Bernama Radio di sini semalam.

Lam Thye yang juga Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Perpaduan Malaysia berkata, Rukun Negara harus dijadikan pegangan hidup dan diberi pendedahan kepada generasi muda kerana mereka adalah pelapis pimpinan negara.

Tegas Lam Thye, pendedahan Rukun Negara bergantung pada tiga faktor dikenali sebagai tiga 'P' iaitu pendidikan, penghayatan dan pengamalan.

Beliau turut mencadangkan kepada Kementerian Pendidikan supaya membuat kajian berhubung pendidikan Rukun Negara di sekolah.

"Kita tidak mahu melihat Rukun Negara (hanya) dihafal oleh murid dan pelajar tetapi tidak merasai (menghayati) isi dan maksud lima prinsip berkenaan.

"Sistem pendidikan Rukun Negara itu bagi saya patut men-



Lam Thye (empat dari kiri); Ketua Penyiaran (TV dan Radio Bernama), Roslan Ariffin (kanan); Ketua Perancangan Strategik Jabatan Pengarang Bernama, Nur-ul Afida Kamaludin (dua dari kanan) selepas Siaran Khas Rukun Negara Hour di Wisma Bernama, Kuala Lumpur semalam. Turut hadir Rosyam Nor dan artis terkenal tanah air, Ernie Zakri dan Naim Daniel.

jadi silibus di sekolah... ia harus bermula di sekolah kerana sekolah merupakan satu tempat, saluran amat penting untuk memupuk perpaduan," katanya.

Sementara itu, penerbit dan pengarah terkenal, Datuk Rosyam Nor yang turut menjadi tetamu dalam program itu berharap kerajaan memikirkan satu penyelidikan dan pembangunan

(R&D) bagi industri seni.

Kata Rosyam, jika industri seni mempunyai R&D yang boleh mewujudkan rangka tindakan untuk diguna pakai sebagai hala tuju, industri itu akan memberikan impak besar kepada negara dalam mempromosi Malaysia di peringkat global.

"Saya difahamkan di Korea Selatan mereka membelanjakan

ratusan juta (wang) untuk membuat R&D, hasilnya pada hari ini mereka membuat (pulangan) berbilion-bilion.

"Untuk Malaysia, kita bukan hanya memanggil orang industri tetapi keseluruhan orang bijak pandai (pakar) dalam bidang masing-masing untuk bersama dapat melakukan satu *blueprint* yang hebat," katanya. - Bernama

Perkukuh perpaduan, pupuk kerjasama lebih erat: Muhyiddin

Kuala Lumpur: Sambutan Hari Malaysia tahun ini perlu dijadikan peluang membugar semangat perpaduan seluruh rakyat dari Semenanjung, Sabah dan Sarawak yang bersatu hati sebagai bangsa berjaya dan dihormati, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri berkata, tanggal 16 September perlu menjadi titik pembaharuan semangat perpaduan rakyat Malaysia bagi membentuk negara yang bersatu, makmur dan bermaruah, sejajar matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

Beliau berkata, perpaduan rakyat negara ini yang berbilang kaum, agama dan wilayah adalah tunjang utama kekuatan Malaysia sebagai negara bangsa berjaya.

"Sempena sambutan Hari Malaysia hari ini, saya menyeru saudara dan saudari sekalian agar menghayati dengan mendalam makna Hari Malaysia.

"Perkukuh perpaduan, pupuk kerjasama yang lebih erat dan tingkatkan integrasi. Insya-Allah, dengan semangat perpaduan kaum dan integrasi nasional yang jitu, Malaysia yang kita cintai dan tumpahkan sepenuh taat setia akan terus berada di landasan kukuh untuk menempa lebih banyak kejayaan pada masa akan datang.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Malaysia

kepada seluruh rakyat Malaysia walau di mana jua anda berada.

"Sama-samalah kita berdoa semoga negara kita yang bertuah ini sentiasa dilimpahi rahmat keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran berkekalan" katanya ketika berucap pada Sambutan Hari Malaysia 2020 di Sibul, Sarawak, malam tadi.

Yang turut hadir, Yang Dipertua Negeri Sarawak, Tun Abdul Taib Mahmud; Ketua Menteri Sarawak, Datuk Patinggi Abang Johari Abang Openg; Menteri Undang-Un-

dang dan Hal Ehwal Anak Negeri Sabah, Datuk Aidi Moktar.

Mengulas lanjut, Muhyiddin berkata, sambutan Hari Malaysia perlu menjadi peringatan kepada semua rakyat Malaysia bahawa pembentukan negara tidak datang bergolek dalam sekelip mata, sebaliknya hasil perjuangan rakyat dan pemimpin terdahulu yang mahu melahirkan Malaysia yang merdeka dan bersatu-padu.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita sebagai rakyat Malaysia yang setia dan cintakan tanah air untuk terus mempertahankan keamanan, keharmonian dan kemajuan yang kita kecapai selama ini," katanya.

Berhubung situasi semasa ekonomi negara yang susut akibat penularan COVID-19, Muhyiddin memaklumkan, ekonomi negara dijangka pulih tahun depan dengan unjuran pertumbuhan pada kadar 5.5 hingga lapan peratus, dipacu pertumbuhan ekonomi global dan domestik secara berterusan.

"Saya yakin usaha pemulihan ekonomi akan dipertingkatkan melalui Belanjawan 2021 yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan November nanti," katanya.

Sempena sambutan Hari Malaysia hari ini, saya menyeru saudara dan saudari sekalian agar menghayati dengan mendalam makna Hari Malaysia.

Muhyiddin Yassin.
Perdana Menteri



Take division out of unity equation, urges Lee

PETALING JAYA: Racial polarisation should not be a major obstacle towards national integration and unity, says Tan Sri Lee Lam Thye.

"Looking at the current situation in the country where racial polarisation still remains a serious issue, the need to strengthen inter-racial harmony and unity has become more important now than ever.

"We must never allow the harmonious relations among the various races to be threatened by racial polarisation, which could lead to racial discord and lack of understanding and mutual respect.

"Racial polarisation is a major obstacle to national integration and unity," Lee said in his Malaysia Day 2020 message yesterday.

Lee, a member of the National Unity Advisory Council, noted that the rakyat must oppose religious bigotry and racial extremism and instead stand up for moderation.

"We need to appreciate the concept of unity in diversity where everyone accepts the uniqueness of others so we can live together in mutual respect and trust," he said.

Lee added that issues affecting the communities should be dealt with based on dialogue and consensus and not through emotions.

"Malaysians in the peninsula should learn from those in Sabah and Sarawak where people of diverse ethnicities, faiths and customs live together in harmony and peace," he said, adding that those in Sabah and Sarawak must continue to support the country's social integration.

"I've always believed that to be a Malaysian does not make a person less Malay, Chinese, Indian, Iban, Kadazan, Bidayuh and others. All of us should proudly identify ourselves first as Malaysian," he said.

Lee noted that the Federal Government should ensure a close bond between the Peninsula and Sabah and Sarawak, especially in making sure that the people in Sabah and Sarawak enjoy equitable development and modernisation.

Lee urged Malaysians to rekindle the spirit of Rukun Negara and support the government's efforts to address the Covid-19 pandemic.

"The unity shown by all Malaysian in fighting Covid-19 should be the springboard to renew and fortify the patriotic spirit of each Malaysian and subsequently, strengthen the unity among Malaysians regardless of race, religious belief and culture," he said.

Govt forms **Rukun Negara** education panel

► Committee will look into proposals to make national philosophy principles part of kindergarten and school curriculum, says minister

PUTRAJAYA: The National Unity Ministry has set up a Rukun Negara education committee.

Its minister Datuk Halimah Mohamed Sadique said the committee will be chaired by the ministry's secretary-general. Its members will be the secretaries-general of the ministries of Communications and Multimedia, Higher Education, and Education Ministry.

The committee was primarily established to look into proposals to assimilate Rukun Negara education in the school curriculum from kindergarten to secondary school level to foster appreciation for the principles of the national philosophy and strengthen unity in the country, she said.

"We used to have Civics Education. We learned everything about our King, our flag and things that we need to know as citizens.

"On that basis, we want to re-introduce Rukun Negara studies with some amendments to the national education policy."

Halimah said that while the process is being finalised, Rukun Negara clubs in 6,621 primary and secondary schools and the 172 Rukun Negara secretariats in the public and private institutions of higher learning will be strengthened through various programmes that promote its understanding and importance.

She added the government is preparing the National Unity Action Plan 2021-2025 by

gathering views and aspirations of the people through roadshows, expected to be completed this month.

A National Unity Advisory Council has been set up to strengthen unity and national integration. It will advise the government on matters pertaining to unity and national integration as well as propose solutions to address solidarity issues.

The Rukun Negara was declared on Aug 31, 1970, by the fourth Yang di-Pertuan Agong, the late Tuanku Ismail Nasiruddin Shah Ibni Almarhum Sultan Zainal Abidin. The five principles of the Rukun Negara are Belief in God; Loyalty to King and Country; Upholding the Constitution; Rule of Law; and Good Behaviour and Morality.

A special two-episode documentary entitled *Rukun Negara: A Nation United* to mark the 50th anniversary of the principles was recorded by Bernama for broadcast between Aug 31 and Sept 19 over BernamaTV on Channel 502 Astro, Njoi 502, UnifiTV 631 and MyFreeView 121. - Bernama